

DASAR-DASAR JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN

PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

Dokumen-dokumen yang diperlukan untuk pengeluaran sijil sebagai suatu perakuan bahawa Badan Pengurusan Bersama atau Joint Management Body (JMB) telah ditubuhkan dengan sewajarnya ialah seperti berikut :

- (i) Salinan hakmilik kawasan pemajuan.
- (ii) Akaun Penyenggaraan Bangunan & Akaun Wang Penjelas (Sinking Fund) yang diaudit oleh juruaudit profesional.
- (iii) Nama dan alamat perbadanan rasmi dalam format seperti berikut :

Badan Pengurusan Bersama < Nama
Taman > < Fasa pembangunan (jika ada) >
(JMB < Nama Taman > < Fasa Pembangunan (jika ada) >)

Contoh :

Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Mawar (Pangsapuri Mawar JMB)

- (iv) Senarai kehadiran pemilik petak dalam Mesyuarat Pertama Badan Pengurusan Bersama.
- (v) Senarai Ahli Jawatankuasa dan jawatan yang dipegang khususnya pengerusi, setiausaha & bendahari
- (vi) Salinan minit Mesyuarat Pertama yang telah diadakan.

Sekiranya dokumen-dokumen di atas tidak dapat dikemukakan secara lengkap atas alasan-alasan yang munasabah, maka Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan boleh mempertimbangkan supaya Sijil Perakuan JMB dikeluarkan bagi tujuan membuka akaun bank dan melicinkan urusan kutipan yuran penyenggaraan.

Sek. 20 (2) Akta 757